

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

INTERAKTIF

Usaha bersepadu tangani gejala leptospirosis

Semua agensi berkaitan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu meningkatkan komitmen menangani peningkatan kes leptospirosis di negara ini dengan sokongan peniaga, orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Amat penting bagi semua pihak meningkatkan usaha membasmi tikus untuk mencegah penularan kes leptospirosis.

Sejak leptospirosis diwartakan sebagai penyakit di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) pada Disember 2010, kes leptospirosis meningkat setiap tahun.

Perangkaan dari Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan 3,665 kes pada 2012 dan meningkat kepada 4,457 kes (2013), 7,806 kes (2014) dan 8,291 kes (2015).

Bagaimanapun, jumlah kes menurun kepada 5,285 kes tahun lalu.

Jumlah kematian dikaitkan dengan leptospirosis adalah 48 kes pada 2012, 71 kes pada 2013, 92 kes pada 2014, 78 pada 2015 dan 52 kematian pada tahun lalu.

Data menunjukkan kebanyakan mangsa adalah lelaki. Kirakira 47 peratus mangsa pada tahun 2015 adalah mereka yang berusia 25 hingga 55 tahun.

Menurut KKM, statistik itu berkait rapat dengan jenis pekerjaan dan tugas dilakukan mangsa.

Antara mereka yang mempunyai risiko tinggi adalah pekerja

di sektor pertanian, pengurusan sisa, pengendali haiwan dan binatang peliharaan, anggota penyelamat, mereka yang terbabit dalam aktiviti rekreasi dan mereka yang mempunyai penyakit kronik dan luka.

Persekitaran yang kotor adalah punca utama menyebabkan peningkatan jumlah tikus dan kes leptospirosis.

Banyak kawasan penjaja, longkang dan kedai makan di sekeliling kita juga turut dipenuhi tikus.

Makanan dan sampah yang dibuang ke dalam longkang menjadi sumber makanan tikus dan menggalakkan pertumbuhan populasi haiwan ini.

Kawasan rekreasi juga boleh menjadi sarang tikus jika tidak dibersihkan dengan betul selepas dikunjungi.

Bakteria leptospirosa disebarkan melalui air kencing tikus

Air kencing tikus yang mengalir ke dalam air kolam dan sungai boleh membawa kuman ke dalam badan mangsa yang berenang, berkelah atau bermain air di kawasan berkenaan.

Bakteria leptospirosa boleh disebarkan melalui air kencing haiwan atau melalui air atau tanah yang tercemar. Ia boleh memasuki tubuh manusia melalui luka, mata, mulut, atau hidung.

Peningkatan bilangan tikus pembawa bakteria leptospirosa



Persekitaran kotor punca utama menyebabkan peningkatan jumlah tikus dan kes leptospirosis.

boleh memburukkan lagi penyebaran penyakit ini.

Sikap orang ramai yang tidak menjaga kebersihan diri dan persekitaran rumah turut menyumbang kepada penularan leptospirosis.

Memandangkan masalah tikus dan leptospirosis amat serius, saya ingin mengemukakan cadangan berikut: -

1. Semua pihak berkuasa tempatan mesti mengisytiharkan perang terhadap tikus dengan melaksanakan langkah berkesan dan mapan bagi membersihkan kawasan yang dipenuhi haiwan berkenaan termasuk pusat pembuangan sampah

2. Kempen pendidikan berterusan perlu dianjurkan Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan bagi mendidik orang ramai dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya air kencing tikus dan cara mencegah leptospirosis dengan mengekalkan persekitaran yang bersih.

3. Semua pengendali makanan dan pemilik kedai makan harus bertanggungjawab memastikan premis mereka bersih dan bebas tikus dengan bantuan syarikat kawalan makhluk perosak. Sekiranya pengendali makanan tidak melakukannya, tindakan perlu diambil ke atas mereka.

4. Kebersihan persekitaran harus diberi keutamaan dalam operasi pengurusan sisa dan kawalan tikus untuk mencegah leptospi-

rosis. Ia memerlukan kerjasama semua agensi berkaitan kerana membabitkan pelbagai aktiviti seperti pelupusan sampah, pengurusan sisa pepejal, saliran dan paip, pelesenan premis makanan dan kebersihan kawasan rekreasi.

Ledakan populasi tikus

Mungkin ada asas untuk dipercayai bahawa penghapusan kucing liar melalui euthanasiasi menyebabkan ledakan populasi tikus dan perkara ini perlu difikirkan semula PBT.

Pengunjung ke kawasan rekreasi juga bertanggungjawab mengelakkan jangkitan leptospirosis dan mematuhi arahan dikeluarkan KKM dan PBT termasuk melalui papan tanda yang dipasang di kawasan berkenaan.

Mereka perlu mengambil perhatian terhadap risiko leptospirosis, terutama jika mereka terbabit dalam aktiviti air selain memastikan kawasan rekreasi sentiasa bersih dengan membuang sampah dan sisa makanan ke dalam tong sampah.

Sekiranya seseorang mengalami demam, sakit kepala atau sakit otot dalam masa dua minggu selepas ke kawasan rekreasi, dia harus mendapat rawatan awal di klinik atau hospital dan memaklumkan kepada doktor bahawa dia ada mengunjungi kawasan berkenaan.

Saya juga ingin menggalakkan

pihak berkaitan, peniaga dan orang ramai mengambil perhatian mengenai garis panduan dikeluarkan KKM dalam buku panduan bertajuk, *Garis Panduan untuk Diagnosis, Pengurusan, Pencegahan dan Kawalan Leptospirosis di Malaysia: 2011*.

Buku panduan itu menggariskan langkah yang perlu diambil untuk mencegah dan mengawal leptospirosis termasuk di kawasan rekreasi.

Garis panduan itu juga termasuk pendidikan kesihatan, penilaian risiko dan tanda amaran penularan leptospirosis di kawasan rekreasi.

Buku panduan itu boleh dimuat turun dari laman web Kementerian www.moh.gov.my.

Jelas sekali jawapan dan penyelesaian untuk mengurangkan populasi tikus dan mencegah penularan leptospirosis adalah melalui persekitaran yang bersih, pelupusan sampah yang betul dan penerapan nilai sivik yang baik dalam kalangan orang ramai.

Komitmen pelbagai jabatan, agensi, NGO dan semua lapisan masyarakat juga amat diperlukan untuk memastikan kebersihan alam sekitar.

Tan Sri Lee Lam Thy
Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)